

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
BIL. 2/2019**

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tarikh : 25 Julai 2019 (Khamis)

Masa : 9.00 pagi – 11.00 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Gemilang Aras 6
Bahagian Hal Ehwat Undang-Undang

Pengerusi : Puan Maryanti @ Mardhiyyah Binti Abd.
Malek
Ketua Penolong Pengarah (PSM)

Kehadiran : Seperti di **Lampiran A**


BIL	PERKARA	STATUS TINDAKAN
1.	PERUTUSAN PENGERUSI	
1.1	Puan Pengerusi mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Puan Pengerusi seterusnya memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab.	Makluman
1.2	Puan Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan mesyuarat bilangan dua dalam tahun 2019.	Makluman
1.3	Puan Pengerusi juga memaklumkan bahawa EKSA merupakan penambahbaikan kepada konsep 5S.	Makluman
2.	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 1/2019	
2.1	Minit Mesyuarat Bil. 1/2019 disahkan tanpa pindaan.	Makluman

3.	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	Laporan Ketua-Ketua Sektor	
3.1.1	Mesyuarat mengambil maklum bahawa setiap sektor telah mengadakan mesyuarat secara berkala dan menyediakan ringkasan minit mesyuarat bagi tujuan pelaporan. Mesyuarat juga bersetuju laporan tersebut dikemukakan kepada urusetia pada 1 Ogos 2019 untuk diselaraskan dengan jawatankuasa promosi di dalam portal EKSA BHEUU manakala gambar-gambar aktiviti boleh dimuat naik sendiri oleh sektor masing-masing. Setiap sektor boleh memohon peranan untuk memuat naik gambar-gambar aktiviti ke dalam <i>facebook</i> daripada Encik Asnal Nadhim Bin Khirruddin, Seksyen Pengurusan Maklumat.	Semua Ketua Sektor dan Jawatankuasa
3.1.2	Mesyuarat juga mengambil maklum supaya setiap sektor dan jawatankuasa mengemaskini carta perbatuan masing-masing dan mengemukakan semula kepada urus setia pada 1 Ogos 2019 bagi tujuan penyelarasan.	Semua Ketua Sektor dan Jawatankuasa
3.2	Laporan Jawatankuasa Audit Dan Keseragaman	
3.2.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Keseragaman akan mengadakan audit dalam kali kedua pada 8 Ogos 2019. Mesyuarat bersama Ketua Sektor bagi tujuan penyelarasan kaedah pengauditan akan diadakan pada 1 Ogos 2019.	Jawatankuasa Audit dan Keseragaman
3.2.2	Mesyuarat mengambil maklum akan pembentangan laporan audit dalam EKSA bilangan 1 yang telah dijalankan pada 2 Mei 2019.	Makluman
3.3	Laporan Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan	
3.3.1	Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan mengadakan lawatan di sekitar Putrajaya selepas mendapat senarai <i>champion</i> daripada urusetia.	Jawatankuasa Latihan dan Keselamatan Urus Setia

3.3.2	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tidak meneruskan pertandingan tanaman hijau antara sektor-sektor. Walaubagaimanapun aktiviti ini boleh diteruskan bergantung kepada keupayaan setiap sektor.	Makluman
3.4	Laporan Jawatankuasa Promosi	
3.4.1	Mesyuarat bersetuju meneruskan cadangan pemberian pengiktirafan bintang kepada sektor yang aktif memuat naik aktiviti dalam <i>facebook</i> EKSA bermula bulan Ogos 2019. Pemenang setiap bulan akan dikemukakan kepada urus setia bagi tujuan pengumuman dan pemakluman kepada warga BHEUU.	Jawatankuasa Promosi
3.4.2	Mesyuarat bersetuju meneruskan penyediaan video EKSA dengan kata-kata aluan daripada Ketua Pengarah yang baru.	Urus Setia
3.4.3	Mesyuarat juga mengambil maklum untuk mengemukakan laporan EKSA tahun 2019 selewat-lewatnya pada 8 April 2019 untuk tindakan. Format laporan yang dipersetujui adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan EKSA tahun 2019 • Aktiviti EKSA yang telah dilaksanakan tahun 2019 • Penambahbaikan yang telah dilaksanakan sekiranya ada. 	Semua Jawatankuasa dan Ketua-Ketua Sektor
4.	HAL-HAL LAIN	
4.1	Pelantikan Jawatankuasa	
4.1.1	Mesyuarat mengambil maklum akan pelantikan Ketua Sektor yang baru bagi Sektor 588, Sektor Adil dan Sektor Pematuhan	Urus Setia
4.2	Format Laporan EKSA	
4.2.1	Mesyuarat mengambil maklum format laporan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Perancangan EKSA tahun 2019 • Aktiviti EKSA yang telah dilaksanakan tahun 2019 	Semua Ketua Sektor


	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahbaikan yang telah dilaksanakan sekiranya ada. 	
5	PENUTUP	
5.1	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 tengahari dengan ucapan terima kasih dari Puan Pengerusi.	

Disediakan oleh:



Faridah Binti Ishak
Unit Inovasi
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
 Tarikh: 1.8.2019

Disemak Dan Diluluskan oleh:



Puan Maryanti @ Mardhiyyah Binti Abd. Malek
Ketua Penolong Pengarah (PSM)
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
 Tarikh: 01/08/2018

KEHADIRAN

1.	Puan Maryanti@Mardhiyyah binti Abd. Malek Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	-	Pengerusi
2.	Puan Nor Azlina Binti Kamarudin Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Ketua Jawatankuasa Promosi
3.	Puan Nor Ashekin Binti Anwar Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Ketua Jawatankuasa Audit Dalam Dan Keseragaman
4.	Encik Izdiyar Bin Mohd Ali Penolong Pegawai Tadbir Seksyen Kewangan	-	Wakil Ketua Sektor Akauntabiliti, Aras 5
5.	Encik Muhammad Afnil Bin Aziz Pegawai Tadbir Unit Khidmat Pengurusan	-	Wakil Sektor Pematuhan, Aras 5
6.	Puan Syazfida Afzan Binti Abdullah Sani Setiausaha Pejabat Unit Integriti	-	Wakil Sektor Adil, Aras 7
7.	Puan Khairul Azwati Binti Bukhari Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Pengurusan Maklumat	-	Ketua Sektor Cyber Law Aras 5
8.	Puan Norlida Binti Ibrahim Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Seksyen Pembangunan	-	Ketua Sektor Litigasi, Aras 4
9.	Encik Mohamad Fida'udin Bin Mohamed Raimi Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Unit Komunikasi Korporat	-	Ketua Sektor 588, Aras 4
10.	Puan Noor Akmar Binti Shahrin Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Seksyen Dasar	-	Ketua Sektor Mitigasi, Aras 6

11.	Puan Siti Shuhaila Binti Mohd Rawi Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	-	Ketua Sektor Bona Fide, Aras 2 & Aras 5
12.	Puan Faridah binti Ishak Penolong Pegawai Tadbir kanan Unit Inovasi	-	Urus Setia
13.	Cik Rohayati Binti Hussin Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Kontrak Unit Inovasi	-	Urus Setia

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1.	Puan Nor Dalila binti Md Din Penolong Pengarah Seksyen Kewangan	-	Ketua Jawatankuasa Latihan Dan Keselamatan
----	---	---	---